

Mahathir seru siswa balas pengorbanan rakyat

\$95 JUTA UNTUK
UK MENJELANG
TAHUN 1980

KUALA LUMPUR, Khamis. — Mahasiswa-mahasiswa Universiti Kebangsaan hari ini mengingatkan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan untuk melengkapkan pengetahuan mereka datangnya dari rakyat.

"Mereka hendaklah membalas pengorbanan rakyat ini dengan berusaha sedaya-upaya mencari dan memperdalam ilmu pengetahuan," kata pengerusi majlis universiti tersebut, Dr. Mahathir Mohamad.

Tegasnya, kegagalan mahasiswa bermakna mensia-siakan saja pengorbanan rakyat untuk mereka.

400 berikrar

Bellau mengingatkan demiklan dalam majlis melafazkan ikrar kira-kira 400 orang siswa dan siswi baru Universiti Kebangsaan Malaysia di Dewan Al-Malik Faisal universiti tersebut di Petaling Jaya pagi ini.

Bellau memberitahu Universiti Kebangsaan akan membelanjakan \$95 juta untuk pembangunannya menjelang 1980.

Katanya, tahun ini belanja mengurus universiti ini saja sebanyak \$22 juta — bermakna tiap-tiap mahasiswa mendapat \$9,000 setahun menyamai pendapatan 8 orang buruh dan keluarga mereka.

"Tiap-tiap satu ringgit yang akan dibelanjakan juga bermakna akan mengurangkan satu ringgit perbelanjaan untuk rakyat," jelasnya. Ini termasuk perbelanjaan untuk klinik,

perubatan, jalanraya, kuasa elektrik, air, makanan, pelajaran umum, pengangkutan, subsidi barang-barang keperluan dan berbagai lagi keperluan masyarakat.

Dr. Mahathir menyatakan perbelanjaan untuk universiti juga tidak akan mengurangkan gaji Perdana Menteri atau menteri, pegawai dan mereka yang bergaji tetap.

Bertekun

"Ini kerana mereka yang memblayai pembangunan universiti ialah rakyat biasa di bandar dan desa yang se-

tengahnya tidak akan merasa nikmat secara langsung daripada peruntungan tersebut.

"Mahasiswa - mahasiswa hendaklah menunaikan ikrar mereka hari ini, berusaha sedaya-upaya mencari dan memperdalam ilmu pengetahuan, bagi membalas pengorbanan dibuat oleh rakyat untuk mereka," katanya.

Pemangku Naib-Chanselor, Prof. Ghazali Abdul Rahman, ketika mengalu-alukan siswa-siswi baru tersebut menegaskan pihak universiti tidak mahu mewujudkan golongan

fanatik samada ideologi politik atau ugama.

Katanya: "Kita juga tidak mahukan golongan mahasiswa tidak mempunyai ciri tak-rasional."

"Kita tidak mahukan golongan mahasiswa yang bersikap alah sabung menang sorak."

Bellau berkata, apa yang dimahukan ialah golongan mahasiswa yang mahu berfikir, berbincang dan bertukar-tukar fikiran dalam semangat bermesyuarah sebelum mengambil tindakan.

"Tara ini akan menghasnakan tindakan yang



PENGERUSI Majlis UKM, Senator Dr. Mahathir Mohamad (kiri) dan Pemangku Naib-Chanselor, Prof. Ghazali Abdul Rahman mendahului perarakan keluar ahli-ahli senet dan akademik selepas upacara ikrar siswa-siswi baru LKM. — Gambar Berita Harian.

lebih rasional dan mendapatkan kejayaan," jelasnya.

Berbincang

Bellau hairan mengapa setengah penuntut yang baru meninggalkan bangku sekolah yang agak bersopan-santun dan pemalu, berubah menjadi mahasiswa yang kadang-kadang tanpa rasional.

Bellau tidak tahu samada keadaan ini terbit dari bimbingan dan dikan salah satu ketat yang diterima di sekolah atau di rumah.

Bagaimanapun bellau mengingatkan mereka jangan menjadi universiti satu tempat atau peluang melepaskan perasaan kehampaan mereka.

Yang Dipertua Peratuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, Encik Halim Arshat, menyatakan PMUKM untuk melahirkan golongan pelajar dan bella yang berani bertanggungjawab untuk bersuara dan bertindak membea masyarakat.

Katanya, kita inginkan golongan ikhlas dan jujur dengan semangat kesedaran dan kelnsafan mendalam untuk menentang segala bentuk pengkhianatan, kezaliman, kemiskinan, penindasan dan kepura-puraan dalam masyarakat.